Hubungan Luar Negara

244 Pemantauan Ekonomi
244-245 Struktur Kewangan Antarabangsa
245-246 Hubungan Luar Negara dengan IMF
246 Perbankan Islam
246 Membanteras Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan
246-251 Liberalisasi Sektor Kewangan
252-255 Kerjasama Serantau
254 *Rencana: Inisiatif Pasaran Bon Asia*
255 Kerjasama Dua Hala
255 Bantuan Teknikal dan Pertukaran Maklumat

Hubungan Luar Negara

Perbincangan forum di peringkat serantau dan antarabangsa pada tahun 2003 tertumpu pada aspek penggalakan pertumbuhan, pengukuhan pemantauan makroekonomi, pemantapan kapasiti dan pengukuhan kerjasama kewangan serantau. Bank Negara Malaysia terus terlibat secara aktif bagi mengetengahkan agenda tersebut dalam semua forum utama di peringkat serantau dan antarabangsa.

Pemantauan Ekonomi

Inisiatif pemantauan yang digerakkan oleh mesyuarat serantau, termasuk ASEAN+3, Bank-bank Pusat Asia Tenggara (SEACEN), dan Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP), adalah untuk melengkapi aktiviti pemantauan yang dijalankan oleh institusi kewangan antarabangsa. Mesyuarat-mesyuarat tersebut tertumpu pada pengurusan dasar makroekonomi, isu-isu kestabilan monetari dan kewangan serta pertukaran pengalaman dalam pembaharuan sektor kewangan. Selain daripada forum serantau, isu-isu pemantauan turut dibincangkan dalam mesyuarat yang dianjurkan oleh *Bank for International Settlements (BIS)*.Bank Negara Malaysia menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat keenam Kumpulan Kerja mengenai Dasar Monetari di Asia pada 5-7 November 2003 di Kuala Lumpur. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh BIS ini, dihadiri oleh pegawai kanan daripada 20 bank pusat dan pihak berkuasa kewangan daripada negara-negara Asia dan Kumpulan 10. Kumpulan Kerja tersebut, yang dipelopori oleh BIS, mengadakan mesyuarat tahunan bagi mengkaji perkembangan terkini ekonomi serantau dan global; dan tinjauan ekonomi serta implikasinya terhadap dasar monetari dan kewangan.

Perbincangan pemantauan ekonomi merangkumi pengurusan dasar makroekonomi, isu-isu mengenai kestabilan monetari dan kewangan serta pengukuhan sistem perbankan. Kemajuan berterusan dapat dilihat dalam pembentukan kod dan piawaian bagi mengukuhkan sistem kewangan.

Malaysia terlibat dalam beberapa inisiatif yang dianjurkan oleh institusi kewangan pelbagai hala bagi mengukuhkan sektor kewangan, terutamanya usaha bagi memantapkan lagi pengurusan risiko institusi kewangan. Pada mesyuarat yang diadakan di Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Malaysia mengetuai Pejabat Kumpulan Undian Asia Tenggara (SEA) semasa mesyuarat pakar mengenai garis panduan pengumpulan penunjuk kekukuhan kewangan. Pengumpulan tersebut dapat memberi panduan kepada negara-negara anggota mengenai konsep, definisi, sumber data dan teknik pengumpulan serta penyebaran set utama dan set yang digalakkan mengenai penunjuk kekukuhan kewangan. Negara-negara anggota digalakkan untuk mengumpul dan menyebar set data yang merangkumi 27 penunjuk mengenai institusi penerima deposit, syarikat kewangan lain, sektor korporat bukan kewangan, isi rumah, pasaran mudah cair dan pasaran harta tanah.

Di BIS, Malaysia turut terlibat dalam inisiatif serantau dengan menyertai proses rundingan dalam Perjanjian Basel yang mengambil kira ciri-ciri tertentu mengenai operasi perbankan ekonomi pasaran sedang muncul, terutamanya di rantau ini. Bank Negara Malaysia, selaku Pengerusi bagi Kumpulan Kerja EMEAP mengenai penyeliaan perbankan, telah mengumpul dan mengutarakan pandangan negara-negara anggota EMEAP kepada Jawatankuasa Basel mengenai Penyeliaan Perbankan (BCBS). Pada bulan Ogos 2003, Bank Negara Malaysia menganjurkan sesi dialog antara pengawal selia dari negara-negara anggota EMEAP dan India dengan BCBS, termasuk industri perbankan negara-negara yang terlibat dengan BCBS. Bank Negara Malaysia juga membantu penyertaan sektor perbankan tempatan dalam Soal Selidik Kesan Kuantitatif yang dikendalikan oleh BIS pada tahun 2003.

Struktur Kewangan Antarabangsa (IFA)

Kerja-kerja **pembaharuan Struktur Kewangan Antarabangsa (IFA)** pada tahun 2003 ditumpukan terutamanya pada usaha pencegahan krisis, khususnya melalui pembentukan kod tatatertib sukarela bagi penyelesaian krisis. Walaupun halangan terhadap cadangan IMF bagi penstrukturan semula hutang negara masih berterusan, terdapat kemajuan dalam usaha untuk membangunkan Kod Tatatertib yang Baik bagi kumpulan yang terlibat dalam penstrukturan semula hutang negara dengan

kemasukan Klausa Tindakan Aktif (CACs) dalam bon berdaulat antarabangsa. Walaupun tidak terdapat penerimaan yang meluas terhadap kemasukan CAC, negara anggota bersetuju untuk menerima klausa tersebut dengan syarat Kod tersebut berupaya mengambil kira keadaan sesebuah negara, dengan memberi sedikit kelonggaran dalam pelaksanaannya. Semenjak tahun 2000, penerbitan bon oleh Malaysia telah menerima pakai CAC tersebut.

Satu masalah yang dihadapi dalam proses pembaharuan IFA adalah mengenai sumbangan bantuan kewangan mudah tunai oleh IMF. Selepas krisis kewangan Asia pada tahun 1997, IMF memperkenalkan kemudahan Saluran Kredit Luar Jangka (CCL). Kemudahan ini bertujuan untuk memberi bantuan kewangan serta-merta. Walau bagaimanapun, akses bagi kemudahan tersebut hanya diberi kepada negara anggota yang melaksanakan dasar ekonomi yang kukuh tetapi berhadapan dengan masalah imbangan pembayaran jangka pendek akibat perkembangan luaran yang di luar jangkaan. Kemudahan tersebut tidak digunakan oleh negara anggota semenjak ia diperkenalkan pada 1999. IMF akhirnya bersetuju untuk tidak meneruskan kemudahan CCL mulai akhir bulan November 2003 selepas semua usaha untuk memperbaiki reka bentuk, akses dan prosedur pelaksanaan tidak menghasilkan satu skim yang praktikal untuk membantu negara-negara anggota.

Satu lagi bidang usaha pembaharuan IFA yang kurang menampakkan kemajuan adalah urus tadbir IMF. Pada Januari 2003, Mesyuarat ke-12 Kumpulan Penilaian mengenai Kuota berakhir tanpa pelarasan ke atas kuota IMF. Hal ini disebabkan kurangnya kesepakatan untuk menambah bilangan penyertaan negara-negara bukan Kumpulan 10 dalam proses penggubalan dasar IMF. Negara-negara membangun dan pasaran sedang muncul terus berpendapat bahawa pelarasan struktur kuota IMF adalah kritikal memandangkan kuota pada masa ini tidak mencerminkan kepentingan pasaran ekonomi sedang muncul yang semakin bertambah dalam ekonomi dunia. Isu ini akan dibangkitkan semula dalam Mesyuarat ke-13 Kumpulan Penilaian mengenai Kuota yang bermula semenjak Februari 2003 hingga Januari 2008. Negara membangun dan pasaran sedang muncul dijangka akan mengekalkan pendirian mereka mengenai keperluan penyelarasan kuota IMF bagi menggalakkan struktur undian IMF yang lebih saksama, selaras dengan prinsip bahawa kuasa mengundi mesti mencerminkan kedudukan relatif negara-negara anggota dalam ekonomi global.

Walaupun negara membangun masih gagal untuk memperoleh kuota yang lebih tinggi di IMF, Kumpulan Undian SEA di IMF dan Bank Dunia telah menubuhkan dua kumpulan fokus untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan Pejabat Kumpulan Undian bagi mengemukakan usul berkaitan kepentingan anggota kumpulan, selain mengambil bahagian dalam perbincangan dasar yang diadakan oleh Lembaga Eksekutif IMF dan Bank Dunia. Bank Negara Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk menerajui bidang bagi meningkatkan proses kerja di Pejabat Kumpulan SEA di IMF. Laporan akhir Kumpulan Fokus tersebut telah disahkan oleh Gabenor Kumpulan SEA dalam Mesyuarat IMF/ Bank Dunia di Dubai pada bulan September 2003. Skim penggiliran baru yang akan berkuat kuasa mulai November 2004 sehingga Oktober 2016 diluluskan dengan Malaysia memperoleh perwakilan tertinggi di peringkat kanan. Dalam rangka kerja penggiliran ini, Malaysia akan memegang tugas sebagai Pengarah Eksekutif dan menerajui Pejabat Kumpulan SEA bagi tempoh dua tahun mulai bulan November 2004 sehingga Oktober 2006.

Laporan Artikel IV IMF mengenai Malaysia merumuskan negara ini berada di landasan yang betul untuk meraih faedah daripada unjuran peningkatan ekonomi global dalam jangka masa terdekat dengan prospek yang lebih cenderung ke arah positif.

Hubungan Luar Negara dengan IMF

Malaysia terus menarik perhatian IMF semasa rundingan tahunan Artikel IV mengenai prestasi makroekonomi dan isu-isu dasar Malaysia pada tahun 2003 dan jangkaan pada tahun 2004. Penilaian IMF mengenai pengurusan ekonomi pada tahun 2003 telah diterbitkan sebagai notis makluman awam berikutan selesainya perbincangan Lembaga Eksekutif IMF mengenai Malaysia. Pengarah Urusan IMF, semasa lawatannya ke Malaysia pada bulan September, mengambil maklum mengenai kemajuan yang dicapai dalam usaha pembaharuan yang membolehkan Malaysia mengekalkan pertumbuhan ekonomi walaupun wujud kelemahan dalam persekitaran luaran.

Malaysia terus mengekalkan statusnya sebagai pemiutang bersih di IMF. Malaysia dimasukkan ke dalam Pelan Transaksi Kewangan (FTP) IMF semenjak bulan September 2002, selaras dengan imbangan pembayaran dan kedudukan rizab antarabangsa yang kukuh. Di bawah FTP, beberapa buah negara anggota IMF yang mempunyai imbangan pembayaran dan kedudukan rizab antarabangsa yang kukuh akan diminta untuk menyediakan sumber pertukaran asing bagi menyokong urusan kewangan IMF. Di bawah Pelan tersebut, Malaysia telah diminta untuk menyalurkan sebanyak SDR45 juta bagi tempoh Mac hingga Mei 2003.

Perbankan Islam

Dalam bidang perbankan dan kewangan Islam, Bank Negara Malaysia memainkan peranan aktif dalam **Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (LPKI),** khususnya menerusi mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Majlis LPKI. Sepanjang tahun 2003, LPKI menyiapkan garis panduan bagi penyediaan piawaian yang berhemat untuk institusi kewangan Islam dan memulakan proses penyediaan dua piawaian, iaitu piawaian pengurusan risiko dan kecukupan modal. Sehubungan ini, LPKI telah menganjurkan dua bengkel pengenalpastian risiko pada bulan Oktober 2003 bagi meningkatkan kefahaman mengenai risiko yang ditanggung oleh institusi kewangan Islam. Bengkel ini dihadiri oleh para peserta institusi perbankan Islam dari Bahrain, Iran, Jordan, Kuwait, Malaysia, Pakistan, Qatar, Arab Saudi dan Sudan.

Pada tahun 2003, Bank Pusat Mesir, Bank Pusat Jordan, Bank Pusat Qatar dan Kementerian Kewangan Brunei Darussalam telah menjadi ahli penuh LPKI. Tiga organisasi antarabangsa, iaitu BIS, IMF dan Bank Dunia, menjadi ahli bersekutu LPKI, manakala Bank Pembangunan Asia menjadi pemerhati. Pada penghujung bulan Februari 2004, LPKI mempunyai seramai 36 anggota, termasuk 13 ahli penuh, 3 ahli bersekutu dan 20 pemerhati.

Membanteras Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Pengganas

Malaysia terus mendahului usaha global dalam membanteras aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Pada tahun 2003, Parlimen Malaysia telah meluluskan Akta Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2003 untuk memperluas skop Akta Pengubahan Wang Haram 2001 (Akta), dengan memasukkan langkah-langkah yang akan diambil bagi menghalang kesalahan pembiayaan keganasan dan memberi peruntukan untuk membeku, menyita dan melucuthakkan harta pengganas.

Pada bulan Julai 2003, Bank Negara Malaysia telah diterima sebagai anggota *Egmont Group of Financial Intelligence Unit* **(Kumpulan Egmont).** Kumpulan Egmont adalah forum bagi memperluas dan bertukar maklumat mengenai perisikan kewangan, meningkatkan kepakaran dan keupayaan anggota serta memupuk komunikasi yang lebih baik di kalangan unit perisikan kewangan.


Dalam forum **Asia/Pacific Group on Money Laundering (APG)** pula, Malaysia menjadi ahli Kumpulan Perunding APG untuk tempoh setahun sehingga bulan Jun 2004. Kumpulan Perunding memainkan peranan sebagai penasihat isu urus tadbir APG, termasuk penilaian semula dan kaedah piawaian *Financial Action Task Force* bagi memenuhi peningkatan tekanan antarabangsa supaya negara anggota mematuhi piawaian yang telah dipinda.

Malaysia telah terlibat dalam analisis keperluan bantuan teknikal dan latihan yang dikendalikan oleh para perunding Projek Pengubahan Wang Haram di bawah Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM). Dalam laporan mengenai Malaysia, yang telah disiapkan pada bulan Februari 2003, para perunding ASEM merumuskan bahawa sistem pencegahan pengubahan wang haram di Malaysia adalah baik, bersepadu dan dilaksanakan oleh pegawai-pegawai profesional dan berkebolehan yang terdiri daripada pelbagai agensi. Para Perunding ASEM juga mengiktiraf usaha Malaysia dalam membangunkan satu sistem yang berkesan di samping penggubalan undang-undang yang kukuh, institusi yang berkesan dan pegawai yang terlatih.


Liberalisasi Sektor Kewangan Pertubuhan Perdagangan Sedunia

Pada tahun 2003, rundingan untuk meliberalisasikan lagi sektor perkhidmatan dalam Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) termasuk perkhidmatan kewangan, terus tertumpu pada fasa "permohonan dan tawaran" yang bermula pada

Graf 7.1
Penyertaan Asing dalam Sektor Perbankan Perdagangan di Malaysia



Graf 7.2
Penyertaan Asing dalam Industri Insurans di Malaysia



28 Mac 2001. Secara amnya, rundingan tersebut adalah berdasarkan permohonan bagi pembukaan pasaran yang dikemukakan oleh negara anggota kepada rakan dagangan mereka dan tawaran yang dikemukakan oleh rakan dagangan tersebut. Ini dikendalikan melalui perbincangan dua hala antara negara-negara anggota. Tarikh akhir bagi menyiapkan rundingan adalah pada 1 Januari 2005.

Persidangan Menteri WTO yang Kelima (PM Ke-5) untuk menjalankan kajian separuh penggal bagi kemajuan rundingan pelbagai hala perdagangan di bawah Agenda Pembangunan Doha (APD), termasuk rundingan mengenai perdagangan dalam perkhidmatan kewangan, berakhir tanpa persetujuan. Terdapat perbezaan yang ketara antara pendirian negara maju dan negara membangun mengenai isu-isu baru berkaitan perdagangan dan pelaburan, perdagangan dan dasar persaingan, ketelusan dalam perolehan kerajaan dan fasilitasi perdagangan. Namun begitu, PM Ke-5 bersetuju mengenai keperluan negara anggota untuk meneruskan usaha membincangkan isu-isu APD yang masih belum selesai. Rundingan antara para perunding perdagangan masih diteruskan di Geneva.

Sejajar dengan haluan liberalisasi yang ditetapkan di bawah Pelan Induk Sektor Kewangan, Malaysia terus melaksanakan liberalisasi sehala dalam sektor perbankan dan insurans pada tahun 2003.

Malaysia terus mengekalkan pelaksanaan liberalisasi sektor perkhidmatan kewangan secara progresif sebagai sebahagian daripada langkah-langkah menyeluruh yang diambil untuk membangunkan lagi sektor kewangan tempatan. Sejajar dengan haluan liberalisasi yang ditetapkan di bawah Pelan Induk Sektor Kewangan, Malaysia telah mengambil beberapa langkah untuk meliberalisasi sektor perbankan dan insurans secara sehala pada tahun 2003 (lihat jadual 1). Peningkatan tahap penyertaan asing adalah melalui perikatan strategik antara peserta asing dan entiti tempatan. Ini termasuk peraturan bankansurans dan pengambilan khidmat luar yang dijalankan oleh institusi kewangan milik tempatan dengan rakan luar negara.

Jadual 1
Langkah-langkah Liberalisasi Perkhidmatan Kewangan semenjak tahun 2000

Tahun	
2000	**Sektor Perbankan** • Jumlah maksimum bagi kemudahan kredit yang boleh diperoleh oleh syarikat yang dikuasai oleh bukan pemastautin (NRCCs) daripada institusi perbankan milik asing di Malaysia telah dinaikkan daripada 40% kepada 50% pada bulan Disember 2000. • Bank-bank Luar Pesisir berlesen di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan (Bank Berlesen Luar Pesisir di Labuan) dibenarkan melabur dalam aset/instrumen ringgit di Malaysia untuk mereka sendiri, tetapi bukannya untuk kepentingan pelanggan mereka. • Bank-bank perdagangan berlesen (termasuk bank milik asing) dan Bank Islam Malaysia Berhad di Malaysia dibenarkan (bank berlesen) memberi kemudahan overdraf secara *"intra-day"* tidak melebihi jumlah agregat RM200 juta dan had semalaman tidak melebihi jumlah agregat RM10 juta kepada syarikat broker saham bukan pemastautin dan bank kustodian global bukan pemastautin untuk membiayai jurang pendanaan disebabkan oleh kelewatan yang tidak disengajakan berhubung penyelesaian perdagangan di BSKL. Tambahan lagi, mereka juga boleh mengadakan swap mata wang jangka pendek dan/atau kontrak hadapan sehala bagi meliputi pembelian saham di BSKL. **Sektor Kewangan Bukan Perbankan (tidak termasuk insurans)** • Jumlah maksimum had ekuiti asing syarikat broker saham dan syarikat pemajakan dinaikkan kepada 49% daripada 30% berkuat kuasa 1 Julai 2000.
2001	**Sektor Perbankan** • Institusi perbankan milik asing dibenarkan untuk membangunkan laman web komunikasi berkuat kuasa mulai 1 Januari 2001. • Institusi perbankan (termasuk bank milik asing) di Malaysia dibenarkan memberi kemudahan kredit dalam ringgit untuk membiayai pembelian dan/atau pembinaan satu harta tidak alih bagi bukan pemastautin yang menyertai Program *Silver Hair* yang dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. • Institusi kewangan (termasuk bank milik asing) dibenarkan memberi sehingga tiga kemudahan kredit dalam ringgit kepada bukan pemastautin untuk membiayai pembelian atau pembinaan sebarang harta benda di Malaysia (tidak termasuk pembelian tanah sahaja), tertakluk kepada garis panduan dalaman mengenai penaksiran kredit. • Institusi perbankan (termasuk bank milik asing) di Malaysia dibenarkan melakukan pemindahan melibatkan Akaun Luar dan Akaun Luar lain dan/atau Akaun Pemastautin pemegang akaun yang berlainan melalui : (a) Pemindahan Mesin Teler Automatik (ATM) sehingga jumlah RM5,000 bagi setiap individu/ syarikat, setiap hari, setiap bank untuk sebarang tujuan; (b) Pemindahan bank melalui Internet sehingga jumlah RM5,000 bagi setiap individu/ syarikat, setiap hari, dan bagi setiap bank untuk sebarang tujuan; dan/atau (c) Pengeluaran cek sehingga RM5,000 untuk sebarang tujuan. **Sektor Insurans** • Semua penanggung insurans yang memenuhi keperluan minimum sistem pengurusan risiko dan sekuriti dibenarkan untuk menawarkan kesemua jenis produk insurans hayat dan am menerusi internet berkuat kuasa mulai bulan April 2001.

2002	**Sektor Perbankan** • Institusi perbankan milik asing dibenarkan untuk menawarkan urus niaga perbankan melalui internet berkuat kuasa mulai 1 Januari 2002. • Kemudahan kredit dalaman digunakan hanya untuk memudahkan pengeluaran dengan cek tidak jelas, yang diberi oleh bank berlesen (termasuk bank milik asing) kepada NRCCs, adalah dikecualikan daripada pengiraan jumlah keseluruhan kemudahan kredit tempatan NRCCs. Bank berlesen juga layak untuk membenarkan NRCCs untuk membuat pengeluaran akaun semasa mereka melebihi daripada baki sehingga RM500,000 bagi setiap akaun untuk jangka masa tidak melebihi 2 hari bekerja. • Institusi perbankan (termasuk bank milik asing) di Malaysia dibenarkan untuk memberi tambahan kemudahan kredit dalam ringgit kepada bukan pemastautin sehingga jumlah agregat RM5 juta bagi setiap bukan pemastautin untuk membiayai projek yang dilaksanakan di Malaysia. Sebelum ini, kemudahan kredit dalam ringgit kepada bukan pemastautin hanya dibenarkan sehingga jumlah agregat RM200,000 bagi tujuan selain daripada pembelian tiga harta benda tidak alih atau kenderaan. **Sektor Insurans** • Penanggung insurans boleh menyediakan pekerjaan kepada pegawai dagang dalam bidang-bidang yang telah diperluaskan sebagai tambahan kepada pengunderitan khusus, teknologi maklumat dan aktuari, termasuk bidang-bidang lain yang melibatkan penyelidikan dan pembangunan produk, pengurusan risiko dan pelaburan.
2003	**Sektor Perbankan** • Bank berlesen (termasuk bank milik asing) di Malaysia dibenarkan memberi kemudahan overdraf dalam ringgit tidak melebihi RM500,000 secara agregat kepada pelanggan bukan pemastautin, dengan syarat pemberian kemudahan overdraf ini disandarkan kepada deposit tetap yang disimpan oleh pelanggan bukan pemastautin di bank berlesen di Malaysia. Kemudahan overdraf ini adalah tambahan kepada kemudahan kredit dalam ringgit yang dibenarkan untuk diberi secara bebas oleh institusi perbankan semenjak 21 November 2002. • Had 50% ke atas jumlah keseluruhan kemudahan kredit yang boleh diperolehi oleh syarikat yang dimiliki oleh NRCCs daripada institusi perbankan milik asing di Malaysia telah dimansuhkan pada 1 April 2003. • Had semalaman bagi akaun mata wang asing (FCA) untuk menyimpan penerimaan hasil daripada eksport barangan (penerimaan eksport) bagi Ibu Pejabat Operasi yang Diluluskan (OHQ) telah dinaikkan kepada AS$70 juta. Had maksimum semalaman bagi eksport FCA lain-lain pengeksport pemastatutin juga telah dinaikkan kepada AS$70 juta. • Pemastautin boleh melabur dalam produk pelaburan yang berkaitan dengan derivatif mata wang berdenominasi asing yang ditawarkan oleh bank berlesen (termasuk bank milik asing) di Malaysia. Dana mata wang asing yang digunakan untuk pelaburan yang diperolehi daripada FCA pemastautin akan dikenal pasti dan dikira sebagai sebahagian daripada agregat baki semalaman FCA pemastautin. • Membenarkan tiga lesen baru perbankan Islam kepada peserta asing yang layak. **Sektor Insurans** • Berkuat kuasa 17 April 2003, penanggung insurans milik asing dengan pemegang saham asing tidak melebili 51% dibenarkan untuk membuka tidak lebih daripada dua pejabat cawangan dalam tempoh satu tahun.

Sektor Perbankan

2004


- Bagi meningkatkan keupayaan pengurusan aliran tunai bagi menyokong perkembangan nilai berangkai di Malaysia, bank berlesen (termasuk bank milik asing) boleh mengekalkan nilai yang lebih tinggi bagi dana mata wang asing kepada pemastautin dalam FCA:
  - Sehingga tahap maksimum AS$100 juta (sebelum ini bernilai AS$70 juta) bagi penerimaan eksport.
  - Sebarang nilai bagi penerimaan bukan eksport bagi pemastautin dengan pinjaman domestik (sebelum ini memerlukan kebenaran).
  - Sehingga AS$150,000 bagi tujuan pendidikan/pekerjaan (sebelum ini sebanyak AS$100,000).
- Bank Berlesen Luar Pesisir di Labuan dibenarkan untuk mengekalkan FCA bagi pemastautin:
  - Sehingga AS$0.5 juta bagi penerimaan bukan eksport bagi pemastautin tanpa pinjaman domestik (sebelum ini memerlukan kebenaran)
  - Sehingga AS$150,000 bagi tujuan pendidikan/pekerjaan (sebelum ini bernilai AS$100,000)
  - Sebarang nilai dana mata wang asing bagi individu pemastautin.
- Bagi memudahkan perolehan ringgit untuk keperluan perniagaan di Malaysia, semua had pinjaman ringgit yang dibenarkan untuk sebarang tujuan oleh institusi perbankan kepada bukan pemastautin (tidak termasuk syarikat broker saham, bank kustodian dan koresponden) telah digabungkan kepada satu had agregat tunggal bernilai RM10 juta.
- Pemberian pinjaman harta benda dalam ringgit oleh pemastautin, termasuk bank berlesen, kepada bukan pemastautin pada masa ini termasuk pembelian tanah (sebelum ini tidak dibenarkan).
- Bank berlesen dibenarkan untuk melanjutkan kemudahan overdraf agregat semalaman sebanyak RM200 juta (dinaikkan daripada RM10 juta) kepada syarikat broker saham atau bank kustodian bukan pemastautin untuk memudahkan penyelesaian pembelian saham-saham yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.
- Individu pemastautin yang bekerja atau tinggal di luar negara dan mempunyai sumber dana mata wang asing dibenarkan melabur dalam sebarang aset mata wang asing, termasuk yang ditawarkan oleh bank berlesen, bank saudagar berlesen yang diluluskan dan Bank Berlesen Luar Pesisir di Labuan.
- Bank Pembangunan Multilateral dan syarikat multinasional asing yang menerbitkan bon berdenominasi ringgit di Malaysia boleh memasuki kontrak pertukaran asing ke hadapan dengan bank berlesen tempatan untuk melindung nilai risiko mata wang berikutan penerbitan bon berdenominasi ringgit. Pelabur bukan pemastautin yang memohon isu-isu tersebut juga boleh melindung nilai risiko mata wang asing.

Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Perkhidmatan dan Cadangan Peraturan Perdagangan Bebas

Liberalisasi perkhidmatan kewangan antara negara ASEAN juga dilaksanakan di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Perkhidmatan (AFAS). Rundingan pusingan ketiga perkhidmatan kewangan di bawah AFAS yang bermula pada tahun 2002 dijangka berakhir pada tahun 2004. Dalam pusingan ini, negara anggota ASEAN akan membuat komitmen perkhidmatan kewangan Perjanjian Am mengenai Perdagangan Perkhidmatan (GATS)-plus, iaitu dengan mengambil langkah-langkah liberalisasi melebihi komitmen yang telah dibuat di bawah GATS.

Selain daripada AFAS, liberalisasi perkhidmatan kewangan juga termasuk di bawah skop peraturan perdagangan yang sedang diusahakan oleh Malaysia dengan rakan negara asing ketika ini untuk menggalakkan perdagangan dan pelaburan yang lebih bebas. Malaysia telah memulakan rundingan untuk menubuhkan peraturan perdagangan bebas (FTA) dengan China (di bawah cadangan kawasan perdagangan bebas ASEAN-China) dan Jepun. FTA yang dicadangkan ini akan melengkapi inisiatif liberalisasi perdagangan yang sedia ada di bawah WTO dan peraturan integrasi ekonomi serantau yang lain, iaitu Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN bagi sektor barangan, AFAS bagi sektor perkhidmatan dan Kawasan Pelaburan ASEAN bagi liberalisasi pelaburan.


Peraturan Perdagangan Bebas Dua Hala (FTA) bagi Negara Serantau Terpilih sejak 2001



[1] Chile, New Zealand dan Singapura
[2] Persatuan Perdagangan Bebas Eropah (EFTA) merangkumi Switzerland, Iceland, Liechtenstein dan Norway

Sumber: Pelbagai penerbitan

Kemajuan Rundingan Malaysia mengenai Cadangan Peraturan Perdagangan Bebas (FTA) dengan China dan Jepun



1 Malaysia dan negara-negara ASEAN lain menyertai rundingan berkenaan cadangan mengadakan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China.
2 Perjanjian Rangka Kerja ASEAN-China mengenai Perkongsian Ekonomi Komprehensif ditandatangani pada 4 November 2002 bagi negara-negara memulakan rundingan untuk menubuhkan satu kawasan perdagangan bebas antara ASEAN dan China.
3 Deklarasi Bersama ASEAN-Jepun mengenai Perkongsian Ekonomi Komprehensif (CEP) ditandatangani pada 5 November 2002 untuk mengadakan satu rangka kerja yang konkrit dalam merealisasikan perkongsian antara ASEAN dan Jepun. Dalam menyediakan satu rangka kerja untuk merealisasikan CEP antara ASEAN dan Jepun secara menyeluruh, Deklarasi Bersama ini tidak mengambil kira perikatan ekonomi dua hala antara Jepun dengan setiap negara ASEAN.
4 Rangka Kerja ini ditandatangani pada 8 Oktober 2003 yang menyatakan bahawa proses rundingan antara negara ASEAN dan Jepun akan bermula pada awal tahun 2004, yang antaranya merangkumi bidang fasilitasi, kerjasama serta liberalisasi perdagangan dan pelaburan.

Kerjasama Serantau

Momentum bagi usaha bersama untuk mengukuh dan memperdalam kerjasama serantau telah diperhebatkan pada tahun 2003, dengan fokus yang lebih besar diberi terhadap usaha untuk membangunkan pasaran kewangan serantau dan menggalakkan kestabilan kewangan serantau. Usaha-usaha ini termasuk memperkukuhkan bantuan kewangan jangka pendek, terutamanya melalui peraturan swap dua hala, permantauan serantau di bawah forum ASEAN+3; dan inisiatif untuk memenuhi keperluan pendanaan jangka panjang bagi rantau ini melalui pembangunan pasaran bon.

Pengukuhan yang berterusan dalam kerjasama serantau dengan peluasan peraturan swap dua hala di bawah Inisiatif Chiang Mai (CMI); pemantauan serantau yang mantap; dan inisiatif baru untuk memperdalam dan memperluaskan pasaran bon Asia.

Kemajuan turut dicapai di kalangan negara-negara ASEAN+3 dalam memperluas rangkaian peraturan swap dua hala di bawah Inisiatif Chiang Mai (CMI). Setakat ini, sebanyak 16 peraturan swap dua hala dengan nilai terkumpul berjumlah AS$35.5 bilion telah dimeterai dan boleh digunakan oleh negara anggota ASEAN+3. Malaysia telah menandatangani tiga daripada 16 peraturan swap dua hala tersebut. Ketiga-tiga perjanjian ini, di samping perjanjian dengan Jepun di bawah Inisiatif Baru Miyazawa yang bernilai AS$2.5 bilion, menyediakan pembiayaan sebanyak AS$6 bilion kepada Malaysia.

Mekanisme pemantauan yang berkesan adalah sangat penting bagi memastikan keberkesanan peraturan CMI. Dalam meningkatkan pemantauan serantau, forum kewangan ASEAN+3 menerima pakai mekanisme baru untuk memantapkan proses pemantauan yang dilaksanakan di bawah peraturan CMI. Dalam hal ini, pertukaran pandangan ekonomi dan perbincangan dasar di kalangan negara ASEAN+3 diperdalam dan diperluas dengan mengadakan analisis isu-isu serantau yang topikal yang dapat mengukuhkan lagi proses pemantauan antara negara-negara anggota. Sementara itu, pemantauan serantau terhadap aliran modal di rantau Asia telah diperkukuhkan pada tahun 2003 dan pada awal tahun 2004 menerusi pertukaran data dan penilaian mengenai perkembangan sesama anggota Kumpulan Pakar SEACEN mengenai Aliran Modal.

Perjanjian Peraturan Swap Dua Hala di bawah Inisiatif Chiang Mai



Tarikh adalah merujuk kepada tarikh setiap perjanjian ditandatangani. Jumlah maksimum penggunaan bagi setiap perjanjian adalah di dalam kurungan. Saiz keseluruhan 16 perjanjian peraturan swap dua hala (BSA) berjumlah AS$35.5 bilion (berdasarkan peruntukan keseluruhan di bawah BSA tersebut, iaitu jumlah maksimum penggunaan di bawah peraturan swap dua hala diganda dua untuk menggambarkan jumlah swap yang tersedia kepada kedua-dua pihak di bawah perjanjian berkenaan).


[1] Peraturan swap sehala adalah apabila negara pemohon dalam perjanjian tersebut boleh memohon negara pembekal swap supaya berurusan dengannya dalam transaksi swap.
[2] Peraturan swap dua hala adalah apabila kedua-dua pihak boleh memohon satu pihak yang lain untuk saling berurusan dalam transaksi swap di bawah perjanjian tersebut.

Perjanjian yang telah ditandatangani antara negara-negara "*Plus Three*" (Republik Rakyat China, Jepun dan Korea) dan negara-negara ASEAN

Perjanjian yang telah ditandatangani di kalangan negara-negara "*Plus Three*"

Tahun 2003 menyaksikan dua peristiwa penting ke arah membangunkan pasaran bon di Asia dengan pelancaran Tabung Bon Asia (ABF) bernilai AS$1 bilion dan Inisiatif Pasaran Bon Asia (ABMI). Pembangunan pasaran bon yang lebih mudah cair dan mendalam akan membantu penyaluran simpanan yang besar di Asia untuk membiayai pelaburan yang produktif di rantau ini. Kedua-dua inisiatif ini menandakan sokongan rasmi yang padu dalam memperluas pasaran bon serantau. Di bawah ABMI, enam kumpulan kerja telah ditugaskan untuk mengenal pasti infrastruktur yang diperlukan dan halangan yang perlu diatasi untuk menggalakkan pertumbuhan pasaran bon serantau.

Sementara kumpulan kerja sukarela di bawah ABMI membincangkan langkah penawaran yang perlu untuk menggalakkan penyertaan aktif pelabur dan penerbit bon, ABF pula melengkapi ABMI pada bahagian permintaan dengan mengambil langkah



Inisiatif Pasaran Bon Asia (ABMI)

Kepentingan ABMI

ABMI yang dilancarkan dalam forum Menteri-menteri Kewangan ASEAN+3 adalah satu pendekatan menyeluruh bagi membangunkan pasaran bon serantau di Asia Timur. Matlamat penubuhan tersebut adalah untuk mewujudkan satu pasaran bon yang mudah cair, meluas dan mendalam di Asia untuk meningkatkan lagi keberkesanan penyaluran simpanan Asia kepada pelaburan jangka panjang di rantau ini. Pasaran bon Asia yang mendalam juga akan memperbaiki pengurusan ketakpadanan kematangan yang wujud dalam pembiayaan aktiviti ekonomi, memudahkan pengurusan risiko kadar faedah dan mata wang serta membantu memulihkan pengagihan modal secara keseluruhan dengan lebih berkesan.


ABMI adalah projek kerjasama kewangan serantau yang paling penting selepas Inisiatif Chiang Mai. Pada dasarnya, ia mencerminkan usaha bersama pihak kementerian kewangan, bank pusat dan pihak berkuasa kewangan negara-negara ASEAN+3 untuk memperbaiki infrastruktur kewangan dan memulakan dasar yang bersesuaian bagi menyokong pembangunan pasaran bon serantau. Pelaksanaan ABMI adalah melalui satu pendekatan berstruktur. Enam kumpulan kerja sukarela telah ditubuh bagi mengenal pasti isu dan halangan terhadap pembangunan pasaran bon dalam pelbagai bidang melalui mesyuarat berkala (rujuk carta). Kajian juga sedang dijalankan oleh kumpulan-kumpulan kerja bagi mengesyor kaedah rangka kerja pengawalan dan perundangan yang akan memudahkan penerbitan bon merentasi sempadan dan pelaburan di rantau ini. Kumpulan kerja tersebut juga sentiasa mengadakan perbincangan dengan sektor swasta utama yang berkepentingan, seperti bank pembangunan pelbagai hala, pengantara kewangan dan peserta pasaran.

Komitmen Malaysia

Malaysia memberi komitmen sepenuhnya dalam menjayakan pembangunan ABMI dan Bank Negara Malaysia merupakan ahli yang aktif dalam kesemua kumpulan kerja tersebut. Malaysia (Bank Negara Malaysia) mempengerusikan Kumpulan Kerja mengenai Isu-isu Berkaitan Urus Niaga Tukaran Asing dan Penyelesaian Pembayaran dan merupakan pengerusi bersama (Suruhanjaya Sekuriti) bagi Kumpulan Kerja mengenai Penyelarasan Bantuan Teknikal dengan Indonesia dan Filipina. Dalam menerajui Kumpulan Kerja mengenai Isu-isu Urus Niaga Tukaran Asing dan Penyelesaian Pembayaran, Bank Negara Malaysia telah memperakui bahawa pewujudan satu pasaran bon yang mendalam dan mudah cair di Asia perlu disokong oleh satu mekanisme sistem penyelesaian pembayaran bon yang kukuh dan berkesan. Oleh itu, usaha telah ditumpukan bagi mengadakan satu persekitaran yang kondusif bagi memudahkan urus niaga pertukaran asing dan menangani isu-isu yang berkaitan dengan ketepatan waktu dan juga penjimatan kos dalam menyelesaikan urus niaga yang merentasi sempadan.

Sebagai sebahagian daripada program kerjanya, Kumpulan Kerja tersebut telah menganjurkan Simposium mengenai Urus Niaga Tukaran Asing dan Isu-isu Penyelesaian Pembayaran pada 20 Oktober 2003 untuk membincangkan isu-isu berkaitan urus niaga tukaran asing dan penyelesaian pembayaran dalam urus niaga bon merentasi sempadan.

Inisiatif Pasaran Bon Asia (ABMI)



pertama ke arah membantu penyaluran sebahagian daripada rizab rasmi yang dipegang oleh negara-negara Asia supaya kembali ke rantau ini. Konsep ABF tersebut sedang dikaji untuk merangkumi bon berdenominasi mata wang serantau. Kedua-dua ABMI dan ABF mencerminkan pengukuhan usaha sektor awam bagi memperluas dan memperdalam pasaran bon serantau.

Malaysia memberi tumpuan utama kepada kerjasama serantau dalam bidang latihan untuk mengukuhkan kapasiti dalaman sektor kewangan dan pengurusan makroekonomi. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia telah menyokong aktiviti Pusat Penyelidikan dan Latihan SEACEN yang menjalankan latihan perbankan pusat secara intensif, terutamanya dalam penyeliaan perbankan, penggubalan dasar makroekonomi, penilaian kestabilan kewangan dan pembaharuan kewangan. Pada tahun 2003, Pusat SEACEN telah menawarkan latihan kepada 16 negara bukan anggota dan pada masa yang sama, terus memberi latihan kepada anggotanya yang meningkat kepada 12 dengan penyertaan Kementerian Kewangan Brunei Darussalam[1]. Pusat SEACEN juga bekerjasama dengan negara Jepun, kumpulan serantau dan institusi antarabangsa seperti Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC), BIS, IMF dan Bank Dunia. Kerjasama yang lebih erat dengan kumpulan negara dan institusi yang lebih luas membantu kerja oleh Pusat SEACEN dalam memastikan latihan secara luas dapat diberikan kepada pegawai bank pusat memandangkan wujudnya perubahan yang pesat dalam pasaran kewangan global.

Kerjasama Dua Hala

Dalam usaha meningkatkan kerjasama dua hala dalam pembiayaan dan perdagangan, cadangan Malaysia mengenai Peraturan Pembayaran Perdagangan berasaskan Emas (GTPA) telah menampakkan kemajuan yang menggalakkan. GTPA membolehkan negara penghutang menyelesaikan baki perdagangan dua hala dengan menggunakan emas.

Usaha promosi GTPA juga dilaksanakan melalui kerjasama dengan Bank Pembangunan Islam (IDB). Hasil kerjasama ini, negara anggota IDB sebulat suara mengesahkan mekanisme GTPA dan bersetuju untuk mengadakan rundingan dua hala bagi melaksanakan skim tersebut. GTPA kemudiannya disahkan oleh Ketua-ketua Negara/Kerajaan di Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 pada Oktober 2003 seperti yang terkandung dalam Deklarasi Putrajaya. Perbincangan berkenaan GTPA dengan rakan dagangan dua hala yang dimulakan pada tahun 2003 masih terus berjalan.

Bantuan Teknikal dan Pertukaran Maklumat

Bank Negara Malaysia terus menggalakkan pembinaan kapasiti melalui bantuan teknikal dan pertukaran maklumat antara bank-bank pusat dan pihak berkuasa kewangan. Bank Negara Malaysia telah menerima 14 peserta daripada 13 bank pusat luar negara di bawah tajaan Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) untuk menghadiri kursus perbankan pusat dan penyeliaan perbankan yang dikendalikan pada tahun 2003.

Pertambahan fokus kerjasama dua hala adalah dalam bidang perdagangan dan pembiayaan, termasuk penggunaan emas untuk membiayai perdagangan dua hala.

Bank Negara Malaysia juga mengambil bahagian dalam usaha kerjasama pembinaan kapasiti melalui pelbagai forum serantau dalam bidang seperti penyeliaan perbankan, sistem kiriman alternatif, pembangunan pasaran bon tempatan serta perbankan Islam dan takaful. Bank Negara Malaysia terlibat secara aktif dalam pembangunan takaful dan takaful semula di negara-negara Islam, terutamanya menerusi penganjuran seminar dan bengkel di peringkat antarabangsa, penyediaan latihan dan perkhidmatan rundingan serta perkongsian bersama kepakaran teknikal oleh pengendali takaful di Malaysia. Inisiatif ini telah menyumbang kepada penubuhan pengendali takaful di beberapa buah negara anggota Kumpulan-8 (D-8), iaitu Bangladesh, Indonesia dan Nigeria.

[1] Berkuat kuasa 1 April 2004, keahlian SEACEN akan bertambah kepada 13, dengan penyertaan Reserve Bank of Fiji. Ahli-ahli SEACEN yang lain terdiri daripada Kementerian Kewangan Brunei Darussalam; Bank Indonesia; The Bank of Korea; Bank Negara Malaysia; The Bank of Mongolia; Central Bank of Myanmar; Nepal Rastra Bank; Bangko Sentral ng Pilipinas; Monetary Authority of Singapore; Central Bank of Sri Lanka; Central Bank of China, Taipei; dan Bank of Thailand.